


# Doktor pertama kesan jaundis



- Haly Abas dikesan individu pertama mengetengahkan pendapat itu dalam kitabnya bertajuk *The Royal Book*
- Figura itu juga mengusulkan wujudnya satu sistem pembuluh darah
- *Kitab al-Maliki* tulisannya disifatkan paling sistematik dan lebih ringkas berbanding ensiklopedia perubatan sedia ada

980 Masihi. Monumental berkenaan disifatkan sebagai teks perubatan paling teratur yang menjadi rujukan kebanyakan doktor di dunia. Naskhah hebat berkenaan antara lain mengandungi topik-topik seperti anatomi, fisiologi, rawatan perubatan sendiri dan ubat-ubatan.

Menjejak sisi peribadinya, tidak banyak maklumat dijumpai tentang salasilah Haly Abbas. Cuma difahamkan, pemilik nama penuh Ali Ibn Abbas Al-Majusi itu dilahirkan di Ahvaz, Parsi Tenggara pada tahun 930 Masihi.

Memetik laporan portal berpengaruh di Indonesia, *Republika*, cendekiawan itu menimba ilmu daripada Syaikh Abu Maher Musa Ibn Sayyar.

Beliau juga merupakan seorang daripada tiga orang doktor terhebat pada era khalifah Islam bahagian Timur ketika zamannya.

Barangkali kerana kehebatan dan kemasyhuran yang dimilikinya itu menyebabkan Haly Abbas diangkat menjadi doktor di Istana Amir Adhad al-Dowleh Fana Khusruw, penguasa dari Dinasti Buwaih (949 hingga 983 Masihi).

Beliau juga pernah mendirikan sebuah hospital di Shiraz, Parsi dan Hospital al-Adud di Baghdad sekitar tahun 981 Masihi.

Bahkan karya agung *Kitab al-Maliki* itu ditulis ketika Haly Abbas masih berkhidmat dengan pemerintah Dinasti Buwaih. Monumental itu dianggap sebagai karya yang sistematik dan lebih ringkas berbanding ensiklopedia perubatan yang sedia ada.

Menurut *Encyclopedia.com*, *The Royal*

**MONUMENTAL** agung Haly Abbas berjudul *Kitab Kamil al-Sina'ah al-Tibbiyah* begitu berpengaruh kerana menjadi karya Arab pertama yang memberikan arahan terperinci tentang pembedahan.

selain diterbitkan di Venice pada tahun 1492 Masihi serta di Lyon (1523 Masihi).

"Haly Abbas juga juga dianggap sebagai tokoh pertama yang mengusulkan adanya satu sistem pembuluh darah (kapilari) ketika membincangkan tentang ruang-ruang halus antara salur nadi dan salur darah.

"Beliau yang mendapat jolokan sebagai Baba Farmakologi itu juga menjadi tokoh pertama menganjurkan bahawa proses bersalin, bayi tidak akan keluar sendiri secara pasif.

"Sebaliknya ditolak keluar oleh daya kecutan (kontraksi) daripada uterus," kata laman web berkenaan.

Ternyata tokoh itu merupakan seorang ilmuwan hebat yang berjaya merungkai banyak penemuan terbaharu ketika zamannya.

Antaranya *Ncbi.nlm.nih.gov* melaporkan, Haly Abbas menjadi doktor pertama yang memperkenalkan penemuan tentang penyakit kuning.

"Sastera moden sering menunjukkan bahawa Albrecht von Haller sebagai individu pertama yang menggambarkan penyakit kuning pada tahun 1764.

"Namun, hasil penyiasatan kami beriya memonitri bebuan Haly Abbas

TIADA nas spesifik menyatakan bahawa berwuduk boleh menghindarkan seseorang daripada wabak penyakit.

## BERWUDUK hindarkan wabak penyakit?

- Lebih setahun seluruh dunia melawan wabak Covid-19, pelbagai kerenah masyarakat dapat kita saksikan. Ia termasuklah penyebaran petikan ayat yang didakwa sebagai lafaz sebuah hadis bahawa berwuduk boleh mengelak wabak penyakit.
- Hakikatnya, tidak ada nas secara spesifik yang sahih menyatakan sedemikian.
- Cuma dalam nas-nas syarak, memang ada dinyatakan bahawa ketika berlakunya wabak atau azab daripada ALLAH SWT kepada sesuatu kaum, maka ia turut menimpa golongan soleh dan orang beriman dalam kalangan mereka.
- Antaranya Ummu Salamah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Apabila munculnya kejahatan di atas muka bumi maka ALLAH akan menurunkan azab-NYA kepada seluruh penduduk bumi." Aku (Ummu

Oleh NURULFATIHA MUAH

**H**ALY ABBAS, merupakan satu lagi tokoh Islam yang terkenal dengan kepakarannya dalam bidang perubatan dan psikologi. Ilmuwan abad ke-10 tersebut begitu berpengaruh dan terkenal dengan karyanya, *Kitab Kamil al-Sina'ah al-Tibbiyah* atau dikenali sebagai *The Royal Book* (*Kitab al-Maliki*) pada tahun



Book yang dinukilkan Haly Abbas merupakan karya Arab pertama yang memberikan arahan terperinci tentang pembedahan.

"Sebilangan besar bahan dalam rujukan berkenaan adalah berdasarkan tulisan doktor Yunani yang berpengaruh, Galen (tahun 130-200). Beliau mengatur maklumat yang dikumpulkan oleh Galen dalam bentuk yang mudah digunakan oleh para doktor.

"Selain itu, *Al-Majusi* karya Haly Abbas juga menggunakan buku perubatan terkenal Al-Razi berjudul *Hawi* sebagai sumber utamanya.

"Oleh sebab buku berkenaan tidak begitu tersusun dan terlalu lama pada pandangannya, beliau menyusun semula, selain memasukkan penemuan dan pemerhatiannya dalam karya agungnya," kata laman web berkenaan.

*Kitab al-Maliki* yang ditulis olehnya juga dikatakan menjadi rujukan yang digunakan di universiti-universiti di Eropah hingga abad ke-18 sebagaimana dilaporkan *Researchgate.net*.

Bukan itu sahaja, menurut *People.utm.my*, ensiklopedia berkenaan turut diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dengan judul *Liber Regius*,

telah membincangkan penyakit jaundis dalam bahagian bertajuk *al-Bab o al-Salis wa al-Salasin; fi Etal al-Marareh, wa Asbabaha wa Alamataha* (Subseksyen 33; Mengenal Keadaan yang Mempengaruhi Pundi Hempedu, Sebab dan Manifestasi mereka) menerusi *The Royal Book*," kata penulis dalam *Ncbi.nlm.nih.gov*.

Sesungguhnya, sebelum cendekiawan bijaksana itu meninggalkan dunia bukan dengan tangan kosong, sebaliknya memberi banyak input berguna kepada dunia perubatan hari ini.

## PROFIL

**Nama penuh:** Al- Ibn Abbas Al-Majusi

**Gelaran:** Haly Abbas, Al-Majusi dan Baba Farmakologi

**Asal:** Ahvaz, Parsi

**Tahun kelahiran:** 930 Masihi

**Tahun kematian:** 994 Masihi

**Sumbangan:** Mengarang kitab yang menjadi karya perubatan paling sempurna, mengusulkan sistem pembuluh darah dan pelopor penyakit kuning.

**Karya agung:** *Kitab Kamil al-Sina'ah al-Tibbiyah*.

dalam kalangan mereka ada orang soleh?" Maka Rasulullah SAW menjawab: "Ya, meskipun dalam kalangan mereka ada orang soleh. Mereka ditimpa seperti yang ditimpa ke atas orang ramai kemudian mereka kembali kepada rahmat ALLAH." (Riwayat al-Thabrani dalam Mu'jam al-Awsath)

- Meskipun tiada nas khusus yang menyebut tentang berwuduk dapat menghindarkan seseorang daripada wabak, tetapi kita tidak boleh menafikan faidat sampingannya.
- Antaranya berwuduk dapat membersihkan anggota wuduk daripada kotoran.
- Begitupun, janganlah kita sesekali menyebarkan hadis palsu. Ia merupakan salah satu perbuatan dosa yang haram hukumnya, melainkan ia dibenar untuk disebarikan bagi menjelaskan maksud kepalsuannya sahaja.

Sumber:  
*Irsyad al-Hadith Siri ke-487: Status Hadis Berwuduk Menghindarkan Penyakit dan Wabak*, laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan